

04 OCT 2003

Abdullah-Kaunseling

ABDULLAH MAHU SEMUA GURU DIBERI LATIHAN KAUNSELING

IPOH, 4 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata semua guru sekolah perlu diberi kursus latihan kaunseling bagi menangani masalah disiplin pelajar yang semakin serius sekarang.

Katanya, bilangan satu atau dua guru kaunseling untuk lebih 1,000 murid di satu-satu sekolah sekarang tidak mencukupi memandangkan pelbagai masalah yang wujud sekarang.

"Guru berperanan bukan sahaja sebagai pengajar tetapi juga pendidik. Mungkin mereka telah diberi kursus sebegini tetapi saya rasa latihan kaunseling ini boleh dipertingkatkan lagi," katanya selepas memberi ucapan dan berdialog pada Seminar Keluarga Bahagia Nadi Kesejahteraan Negara di sini hari ini.

Ibu bapa dan anggota masyarakat juga boleh diberikan kursus latihan yang serupa pada hujung minggu untuk tempoh tertentu, misalnya lima hingga enam minggu, katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau akan meminta Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga mengadakan kursus itu secara sukarela.

Menurut Abdullah, jika kedua-dua ibu bapa dan guru mempunyai pengetahuan kaunseling, tugas mendidik dan membimbing anak-anak akan menjadi semakin mudah dan tidak terhad pada satu pihak sahaja.

Turut hadir Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Shahrizat Jalil dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin.

Semasa sesi dialog, seorang pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) telah membangkitkan tentang masalah bilangan guru kaunseling sekolah yang tidak mencukupi dan meminta bilangannya ditambah.

Mengenai kemungkinan para guru akan melihat tugas kaunseling itu sebagai satu lagi beban tambahan, Abdullah berkata guru sepatutnya melihat ia sebagai satu lagi usaha menambah kemahiran seorang pendidik yang boleh membantu mengatasi masalah di dalam kelas.

Mengulas syor seorang peserta agar digubal akta bagi mengambil tindakan ke atas ibu bapa yang melepaskan tanggungjawab apabila anak terlibat dalam gejala sosial, Abdullah berkata, kerajaan tidak boleh berbuat demikian bagi mengelakkan "over regulation".

Bagaimanapun, beliau berkata, kursus kaunseling bersiri untuk ibu bapa lebih berkesan dan boleh membantu mereka membesarkan anak-anak, terutamanya bagi mereka yang bekerja dan tidak mempunyai banyak masa untuk anak mereka.

Mengenai kenyataan Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat bahawa semua guru akan diberi kuasa guru disiplin, termasuk merotan pelajar, Abdullah berkata beliau sememangnya bersetuju penggunaan rotan dipertingkatkan berbanding sekarang.

"Kita tahu anak-anak biasanya takut dirotan, sama ada di sekolah atau di rumah. Saya setuju penggunaannya ditambah tetapi ada kebimbangan jika semua guru diberi kuasa itu, akan berlaku excessive canning," katanya.

Abdullah berkata walaupun kuasa merotan dihadkan pada guru besar dan guru disiplin, penggunaannya di kelas atau di khayalak ramai perlu dibincangkan oleh semua pihak terlebih dahulu, terutamanya dengan PIBG.

"Ini saya serahkan pada pihak sekolah dan PIBG untuk tentukan," katanya.

Beliau berkata, masalah disiplin yang wujud sekarang boleh diatasi jika ia ditangani dari awal lagi dan meminta PIBG memainkan peranan yang lebih

aktif.

"Saya tak anggap anak-anak tiba-tiba menjadi ganas. Pasti ada permulaannya, suka bergaduh atau buli orang. Bila tiada tindakan dari awal lagi, maka dia menjadi bertambah buruk, mengganas dan jadi kes juvana," katanya.

Mengenai sikap sesetengah ibu bapa yang membuat laporan polis atau membantah sesuatu tindakan guru ke atas anak-anak mereka, Abdullah berkata mereka perlu memahami tindakan sebegitu bertujuan membentuk nilai baik di kalangan para pelajar.

Sementara itu, Tajol Rosli dalam ucapannya pada majlis perasmian sebelum itu, berkata ibu bapa terutama ibu atau bapa tunggal serta ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa perlu didedahkan dengan kemahiran keibubapaan dalam usaha mewujudkan keluarga bahagia.

Katanya, banyak perkara yang perlu dipelajari oleh sesebuah keluarga dalam menentukan kebahagiaan kerana ia adalah matlamat yang ingin dicapai oleh semua keluarga.

"Pembangunan keluarga adalah asas penting kepada Malaysia untuk merealisasikan Wawasan 2020 kerana ia adalah institusi tidak formal yang boleh memainkan peranan besar ke arah itu," katanya.

Seminar sehari yang disertai kira-kira 350 peserta itu diadakan sempena program Meraikan Keluarga Bahagia Malaysia yang diadakan sejak semalam dan berakhir esok.

-- BERNAMA

KAY MOZ